



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

12 Mei 2003

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 4/2003

**PENUBUHAN UNIT NAZIRAN BAGI TUJUAN PEMERIKSAAN KE ATAS PENYEDIA
LATIHAN YANG BERDAFTAR DENGAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Penyedia Latihan bahawa Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menubuhkan Unit Naziran bagi mengadakan lawatan pemeriksaan ke atas semua Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bersesuaian dengan peruntukan Seksyen 5 (e), (f) dan (g).

2. LATARBELAKANG

2.1 Sejak tahun 1993, terdapat lebih kurang 667 Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PSMB dan masih lagi aktif, samada di bawah Sijil Pendaftaran Kelas A, B, dan C. Tempoh sah bagi Sijil Pendaftaran tersebut adalah selama 1 tahun.

2.2 Bagi mempertingkatkan lagi kualiti pelaksanaan latihan di kalangan Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PSMB, aktiviti-aktiviti naziran perlu dilaksanakan oleh PSMB untuk memastikan kemudahan latihan sentiasa dikekalkan atau dipertingkatkan dan kualiti pembelajaran juga sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa. Aktivi naziran ini juga secara tidak langsung dapat mencegah penyelewengan di kalangan Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah PSMB.

3. PERLAKSANAAN

3.1 Lawatan ke premis Penyedia Latihan akan dijalankan oleh Pegawai Naziran pada bila-bila masa pada hari bekerja tanpa memberikan sebarang notis atau pemberitahuan awal kepada pihak Penyedia Latihan. Pegawai Naziran yang telah dilantik dan dibenarkan oleh PSMB bagi menjalankan tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut :

i) MOHAMAD AZRI BIN ABDUL AZIZ
(PENOLONG EKSEKUTIF)

ii) MOHD AZHAR BIN MOHD DAUD
(PENOLONG EKSEKUTIF)

3.2 Pegawai Naziran berkenaan akan membuat pemeriksaan dari segi:

1. Kelengkapan peralatan latihan dan bilik latihan

2. Kakitangan sokongan, dan
3. Rekod Kursus yang dijalankan

3.3 Lawatan Pemeriksaan ini akan dilaksanakan mulai 1 Mei 2003.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 4/2003 ini **berkuakuasa mulai 1 Mei 2003.**

5. PENUTUP

Urusetia PSMB berharap pihak Penyedia Latihan dapat memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pegawai Naziran yang telah ditugaskan oleh pihak PSMB.

Sekian, terima kasih

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"**

Yang ikhlas,

(DATUK YAU DE PIYAU)

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

